

19 FEB 2002

LARIAN PERDANA MAKSAK PUTRAJAYA APRIL DEPAN

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) akan menganjurkan "Larian Perdana MAKSAK Putrajaya 2002" pada 7 April dalam usaha mempromosikan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan persekutuan.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman yang juga Yang Dipertua MAKSAK berkata larian itu akan dijadikan acara tahunan dan terbuka kepada orang ramai.

"Selain daripada bertujuan melibatkan kakitangan awam dalam aktiviti bersukan, acara ini turut mempromosikan Putrajaya di peringkat nasional dan juga antarabangsa," katanya selepas melancarkan logo larian itu di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan larian itu.

Katanya seramai 5,000 orang dijangka menyertai larian mengandungi 12 kategori itu, terbuka kepada mereka yang berumur 13 tahun ke atas dan orang ramai yang berminat perlu mendaftarkan diri sebelum 27 Mac.

Borang penyertaan boleh didapati daripada MAKSAK Malaysia di talian 03-9287 4491, Persatuan Olahraga Amatur Wilayah Persekutuan (03-2715 2843), Majlis Sukan Angkatan Tentera (03-2071 5662) dan Pejabat Perkhidmatan Korporat Perbadanan Putrajaya (03-8887 7020)

Pemenang kategori lelaki senior dan wanita senior akan menerima hadiah wang tunai RM1,000 manakala pemenang kategori lain menerima RM700.

-- BERNAMA
ZMN RZS RON